

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS PECAH TANAH TAPAK KAMPUS INTAN SABAH
Lokasi : INTAN SABAH
Tarikh : 12-05-2003

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera Saudara Pengacara Majlis.

Y.Bhg. Dato Zakaria bin Mohd. Taib, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Y.B. Datuk K.Y Mustafa, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Y.Bhg. Dato' Hj. Sulaiman Ibrahaim, Setiausaha Persekutuan Sabah, Y.Bhg. Dato' Dr. Dzulkurnain Hj. Awang, Pengarah INTAN Malaysia Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian 1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas segala nikmat dan limpah kurniaNya serta dengan izinNya dapat kita berhimpun di majlis yang amat besar ertinya pada petang ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada INTAN kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kampus INTAN Sabah. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas daya usaha kita semua dalam merealisasikan hasrat penubuhan INTAN Sabah yang akan memberikan manfaat yang tidak ternilai kepada anggota perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan khususnya.

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk dan Hadirin yang dihormati sekalian, Penubuhan INTAN Sabah

2. Sesungguhnya penubuhan INTAN Sabah adalah suatu langkah yang amat tepat sekali bagi menjamin latihan yang menyeluruh dan sempurna untuk semua peringkat kakitangan perkhidmatan awam baik dari Persekutuan mahupun Negeri. Selaras dengan peranannya sebagai sebuah institusi latihan sektor awam yang ulung di negara ini, pelbagai kursus, latihan, bengkel dan seminar akan dianjurkan oleh INTAN dalam usaha meningkatkan lagi tahap kecekapan dan keberkesanan kakitangan perkhidmatan awam supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, cekap serta relevan kepada rakyat dan Negara. Memandangkan stature INTAN di peringkat antarabangsa sudah lama wujud dan terus terkenal terutamanya dikalangan negara-negara selatan, dan institusi-institusi antarabangsa, maka kekuatan ini dapat di leveragekan untuk memanfaatkan INTAN Sabah.

3. Penubuhan Kampus INTAN Sabah juga diharap akan membawa faedah yang besar dari segi pengurangan perbelanjaan. Oleh kerana perbelanjaan pengangkutan yang tinggi untuk menghantar pegawai-pegawai dan kakitangan berkursus di luar negeri Sabah, misalnya di INTAN Bukit Kiara, sesetengah jabatan yang mempunyai peruntukan yang terhad akan ketinggalan. Insya-Allah, dengan terbangunnya INTAN Sabah, kos pengangkutan akan berkurangan. Maka lebih banyak pegawai/kakitangan perkhidmatan awam di Sabah dapat menghadiri kursus, latihan, seminar dan sebagainya yang dianjurkan oleh INTAN Sabah.

Keperluan Melengkapkan Diri dengan Ilmu

4. Salah satu dari teras utama pembangunan negara di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Ke Lapan ialah untuk mengukuhkan lagi pembangunan dan pengurusan sumber manusia bagi menghasilkan tenaga kerja yang cekap, efisien, berpengetahuan dan mengamalkan nilai-nilai etika yang positif. Pendekatan ini adalah penting sebagai strategi dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi serta kemajuan pesat dalam bidang ICT. Kita sedia maklum bahawa sumber manusia merupakan aset penting dalam sesebuah organisasi. Dalam dekad-dekad yang lepas, negara kita telah menghadapi pelbagai cabaran dalam menghadapi arus pembangunan yang semakin kompleks, teknologi yang semakin canggih dan persaingan yang semakin sengit yang memerlukan kakitangan perkhidmatan awam memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan untuk terus menjadi relevan.

5. Sebagai langkah yang lebih strategik, Sistem Saraan Malaysia yang dilancarkan pada 1 November, 2002, telah menggariskan langkah-langkah untuk menggalakkan pembangunan kompetensi setiap lapisan anggota perkhidmatan awam melalui proses pembelajaran berterusan, untuk memastikan

perkhidmatan awam dan negara terus berada di hadapan dan bersedia menghadapi kerenah ekonomi baru yang sedang muncul. Dalam era ini, daya saing negara cuma dapat dipertingkatkan melalui pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan human capital yang berilmu dan berkemahiran tinggi serta diperkuatkan dengan etika moral yang terpuji, berdisiplin dan berintegriti yang meyakinkan masyarakat umum dan antarabangsa. Bagi merealisasikan hasrat ini, maka latihan berterusan yang berkualiti dalam perkhidmatan perlu disediakan. Perkhidmatan awam cuma ada pilihan untuk menjadi lebih baik. Usaha penambahbaikan secara berterusan adalah sangat dituntut, lebih-lebih lagi dikalangan orang Islam. Oleh itu, kesedaran ini harus ada pada setiap anggota perkhidmatan awam untuk terus menerus melaksanakan penambahbaikan supaya lebih kompetitif dan sentiasa relevan dengan tuntutan semasa dan sentiasa menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dan cekap untuk rakyat.

Tan Sri-Tan Sri, Dato-Dato, saudara saudari sekalian, Penerapan Nilai-nilai Murni

6. Saya juga percaya masyarakat telah dapat menilai betapa banyak pembaharuan, kemajuan, penambahbaikan dan peningkatan mutu perkhidmatan yang telah dinikmati oleh orang ramai hasil dari pembaharuan dan permodenan perkhidmatan awam. Kualiti perkhidmatan awam kini telah mencapai kemajuan yang ketara berbanding dengan keadaan dalam dekad-dekad awal kemerdekaan. Dalam masa yang sama, pemikiran, pengetahuan, cita rasa dan kehendak rakyat atau pelanggan kerajaan juga telah berubah dengan pesat. Mereka semakin bijak dan mempunyai pengharapan (expectation) yang tinggi dari kerajaan dan sentiasa ingin melihat pembaharuan dan peningkatan dalam aspek kualiti serta layanan. Maka itu, perkhidmatan awam tidak pernah sunyi dari aduan dan rungutan orang ramai. Malah terdapat juga rungutan-rungutan yang mengatakan kakitangan perkhidmatan awam tidak cekap menjalankan tugas atau kurang mendapat latihan. Ini tidak termasuk aduan, dakwaan dan rungutan dari pelbagai pihak tentang wujudnya penyelewengan di kalangan segelintir kakitangan perkhidmatan awam.

7. Di sinilah kita dapat melihat pentingnya warga perkhidmatan awam terutama ketua-ketua jabatan memahami dan mematuhi Perintah-perintah Am Perkhidmatan Awam dan juga menjadikan kod, nilai dan etika kerja sebagai teras utama dalam pembentukan budaya organisasi perkhidmatan awam. Cuma dengan menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dan mulia, warga perkhidmatan awam akan benar-benar insaf tentang tanggungjawab serta amanah yang mereka pegang sebagai penjawat awam, dan akan berupaya menjauhkan diri dari segala perbuatan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip perkhidmatan awam. Kita juga memerlukan anggota perkhidmatan awam yang sentiasa insaf bahawa perkhidmatan awam adalah perkhidmatan untuk rakyat dan bukannya tempat untuk mengumpul harta, memperkayakan diri atau menyalahgunakan kuasa, kedudukan dan keistimewaan. Saya ingin menggesa semua anggota perkhidmatan awam supaya sentiasa mengamalkan etika kerja cemerlang dan sentiasa memberikan perkhidmatan yang pantas, telus, mesra, bertimbang rasa, bijaksana serta menjauhkan diri daripada segala gejala rasuah.

Oleh yang demikian penubuhan Kampus INTAN Sabah diharap akan dapat menyumbang dengan berkesan ke arah pembentukan sebuah budaya perkhidmatan awam yang benar-benar unggul dan menepati aspirasi negara dan rakyat khususnya bagi Negeri Sabah.

Hadirin yang dihormati, Harapan

8. Sebenarnya ruang untuk warga perkhidmatan awam meningkatkan kecekapan dan menyampaikan khidmat berkualiti kepada orang ramai masih luas terbuka. Kita sememangnya dituntut untuk memberikan khidmat kepada masyarakat dengan penuh profesional dan menyampaikannya dengan penuh mesra. Pembinaan kampus ini memberikan gambaran bahawa harapan rakyat dan pemimpin kepada warga perkhidmatan awam adalah tinggi dengan membelanjakan peruntukan kewangan yang besar semata-mata untuk tujuan latihan dan meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam bagi memenuhi aspirasi ini. Selain dari itu, usaha-usaha ke arah meningkatkan integrasi nasional akan dapat dipercepatkan dan diperkukuhkan melalui kursus dan latihan yang dianjurkan secara bersama. Saya juga berharap semoga apabila siap kelak, kemudahan-kemudahan di kampus ini akan dapat digunakan oleh semua lapisan anggota perkhidmatan awam sama ada dari jabatan persekutuan ataupun negeri.

9. Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih, terutama kepada

pihak Kerajaan Negeri Sabah yang telah meluluskan tapak ini seluas 80 ekar sebagai kegunaan Kampus INTAN Sabah. Juga terima kasih saya kepada Y.B. Datuk K.Y. Mustafa, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan rakan-rakannya dalam pentadbiran negeri yang begitu komited dalam membantu merealisasikan penubuhan Kampus INTAN Sabah ini. Ucapan terima kasih juga kepada mereka yang telah membantu dan berusaha dengan gigih dalam menjayakan projek ini.

10. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dan sukacitanya merasmikan Majlis Pecah Tanah Kampus INTAN Sabah.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalam mu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.